BAB 2.2 REKA BENTUK MEKANIKAL

BAHAGIAN A

1. Antara berikut manakah penyataan yang benar tentang sistem mekanikal?

   a. Menggunakan tenaga manusia sepenuhnya.
   b. Membolehkan sesuatu produk berfungsi, bergerak atau berputar.
   c. Menggunakan hanya satu komponen mekanikal sahaja.
   d. Memastikan sesuatu produk berada dalam keadaan statik.

2. Rajah menunjukkan satu komponen mekanikal.

   Apakah nama komponen itu?

   a. Gelongsor
   b. Gear
   c. Takal
   d. Ball bearing

3. Antara berikut yang manakah fungsi pautan (linkage) ?

   a. Memindahkan kuasa
   b. Penghubung sesuatu komponen atau bahan.
   c. Pengurang geseran bagi menggerakkan sesuatu komponen.
   d. Menukar gerakan linear kepada gerakan putaran.

4. Rajah menunjukkan satu produk yang menggunakan komponen mekanikal X.

Apakah fungsi komponen X itu?

a. Mengurangkan berat dan beban.
b. Mengurangkan geseran.
c. Menghubungkan takal pemacu dengan takal dipacu.
d. Digunakan untuk memindahkan kuasa.

5. Antara berikut padanan nama dan gear manakah yang betul ?

a.

GEAR SERONG

c.

GEAR HELIKS

b.

GEAR BELITAN

d.

GEAR TAJI

6. Apakah komponen mekanikal yang sesuai digunakan untuk memindahkan produk yang besar dan berat seperti kontena dan kapal?

a. Galas bebola
b. Gelongsor
c. Tali Sawat
d. Tuil

7. Rajah menunjukkan sejenis alatan tangan.

Apakah komponen mekanikal yang digunakan pada alatan tersebut?

a. Gear
b. Bindu
c. Tuas
d. Takal

8. Apakah langkah yang perlu dilakukan selepas membuat lakaran awal semasa membina gajet mekanikal?

a. Kaji selidik
b. Lukisan kerja
c. Lakaran akhir
d. Lakaran idea

9. Antara berikut manakah kelemahan pemegang lampu basikal yang menggunakan komponen mekanikal pautan?

a. Sukar untuk dibuat pelarasan
b. Mudah terbuka jika tidak dipasang kemas
c. Bahagian pemegang mudah longgar
d. Mempunyai cengkaman yang lemah

10. Apakah kemasan yang sesuai digunakan pada gajet lampu basikal?

a. Syelek
b. Tona kayu
c. Cat sembur
a. Cat air